

# **KIT MINGGU SUCI 2020** **BAGI KELUARGA & RAKAN KEDIAMAN** **(Sewaktu pelandaan wabak COVID-19)**

**DIDOAKAN MENGIKUT KESUAIAN MASA BERSAMA**

# KEKAL DALAM KESATUAN TUBUH KRISTUS



***“Kamu adalah Tubuh Kristus, dan setiap daripadamu anggota tubuh itu. Allah telah menentukan tempat masing-masing anggota Jemaah: Pertama sebagai rasul-rasul, kedua nabi-nabi, ketiga, guru-guru; seterusnya mereka yang diamanahkan untuk melakukan pelbagai mukjizat, mereka yang diberi kurnia untuk menyembuhkan, untuk memberikan pertolongan, untuk memimpin dan untuk bertutur dalam aneka lidah”.***

***(1 Korintus 12: 27-28)***

# PERJALANAN BERSAMA YESUS YANG KUDUS

*Tuhan Yesus Kristus,*

*Dengan keakraban, kami berjalan bersamaMu dalam **KesengsaraanMu, KematianMu dan KebangkitanMu**, bantulah kami agar melalui kesatuan kami diantara satu sama yang lain, kami sebenarnya bersatu denganMu.*

*Dalam setiap langkah kami serta perlakuan kami, biarlah kami menjadi Berkat kepada satu sama yang lain kerana itu adalah tanda kebaikan, kelemah-lembutan, kemurahan hati tanpa menghakimi sesama kami, dan dengan keampunan dan kerendahan hati, semoga kami terus mengasihi satu dengan yang lain.*

*Semoga kesatuan kami ini menjadi ungkapan kasih kami dan kesembuhan dunia ini. Demi Kristus, Tuhan dan Penebus kami. Amin.*

# KHAMIS PUTIH (PERJAMUAN MALAM TERAKHIR)



Inilah perintah baru yang Kuberikan kepadamu: Kasihilah satu sama lain.  
Seperti Aku telah mengasihimu. (Yohanes 13: 34)

# KHAMIS PUTIH (PERJAMUAN MALAM TERAKHIR)



*Dalam Nama Bapa, dan Putera dan Roh Kudus. Amin*



## *Bersama-sama:*

*Ya Tuhan, dalam kesyukuran kami mengenangkan saat Engkau memulakan dan mendirikan Ekarisiti Kudus. Walaupun kami tidak dapat menerima TubuhMu secara nyata pada saat ini, kami mohon agar Engkau hadir ditengah-tengah kami, melalui doa kami yang sederhana ini. Demi Kristus Tuhan dan penebus kami. Amin.*

# KHAMIS PUTIH (PERJAMUAN MALAM TERAKHIR)

*Pembacaan dari Surat pertama Rasul Paulu kepada umat di Korintus 11: 23-26*

**Aku telah menerima daripada Tuhan apa yang telah kusampaikan kepadamu: Bahawa pada malam Dia dikhianati, Tuhan Yesus telah mengambil roti; dan selepas mengucap syukur, Dia telah memecah-mecahkan roti itu lalu berkata, "Ambil, dan makanlah. Inilah tubuh-Ku yang diserahkan untukmu; lakukanlah ini sebagai peringatan kepada-Ku." Demikian juga, sesudah makan, Dia mengambil cawan itu sambil berkata, "Cawan ini perjanjian baru dengan darah-Ku. Setiap kali kamu meminumnya, lakukan ini sebagai peringatan kepada-Ku."**

**Kerana setiap kali kamu makan roti dan minum dari cawan dengan cara demikian, kamu memberitakan kematian Tuhan hingga kedatangan-Nya.**

**Demikianlah sabda Tuhan.**

***R> Syukur kepada Allah***

# KHAMIS PUTIH (PERJAMUAN MALAM TERAKHIR)

**Antifon: Tuhan itu hadir didalam kasih dan kemurahan.**

1. Kasih Kristus telah mengumpulkan kita semua menjadi satu. Marilah bergembira didalam Dia. Takutilah Dia dan kasihilah Dia Allah yang hidup dan marilah saling mengasihi antara sesama.

2. Perhatikanlah agar kita tidak berbelah bagi dalam fikiran kita apabila kita bersama. Hentikanlah pertelingkahan dan kepahitan, serta perselisihan dan biarlah Kristus Tuhan kita ada diantara kita.

3. Dan dengan bertemankan yang terberkati, semoga kami melihat wajahMu dalam kemuliaan, ya Yesus Tuhan dengan penuh sukacita selamanya.

# KHAMIS PUTIH (PERJAMUAN MALAM TERAKHIR)

DENGAN PENUH KESYUKURAN ATAS SEGALAH BERKAT YANG KITA TERIMA DARIPADA TUHAN, MARILAH KITA  
UNGKAPKAN KESYUKURAN KITA INI ...

Atas kemurahan hatiMu dan kesempurnaan KasihMu kepada kami biarpun kami masih berdosa...

*Kami mengasihiMu Yesus*

Atas berkat pemberian Iman kepada kami...

*Kami berterimakasih dan memuji Engkau Tuhan*

Atas cabaran yang kami hadapi setiap hari, membawa keakraban kepadaMu... *Kami bersyukur Tuhan*

Atas pemberian keluarga kami dan sesama...

*Kami memuji dan berterimakasih kepadaMu Tuhan*

Atas kehadiran KudusMu pada saat ini bersama-sama dengan kami...

*Kami memuliakan Engkau Tuhan Kristus*

Bagi masa depan yang didalam tanganMu, yang tidak dapat kami duga...

*Bapa, kami percaya kepadaMu*

Atas pemberian Roh KudusMu yang sedang bekerja didalam dan melalui kami...

*Kami memujiMu Tuhan*



# KHAMIS PUTIH (PERJAMUAN MALAM TERAKHIR)

KERANA TELAH MENYAKITI HATI TUHAN DAN SESAMA, MARILAH KITA BERTOBBAT DAN KEMBALI KEPADA TUHAN

Pada masa kami tidak percaya sepenuhnya kepadaMu, pada masa percubaan, kesusahan, dan keraguan...

*Ampunilah kami ya Tuhan*

Pada masa kami acuh tak acuh, tidak mempedulikan hidup doa kami...

*Ampunilah kami ya Tuhan*

Pada masa kami kurang bersyukur atas berkatMu yang kami terima setiap hari...

*Ampunilah kami ya Tuhan*

Kerana kami mengikuti keinginan hati kami sendiri tanpa mengamati kehendakMu...

*Ampunilah kami ya Tuhan*

Pada masa kami gagal mengampuni kesalahan orang lain...

*Ampunilah kami ya Tuhan*

Pada masa kami tidak mengambil inisiatif untuk membawa kegembiraan kepada yang lain...

*Ampunilah kami ya Tuhan*

Pada masa kami memilih apa yang tidak baik dan gagal melihat kebaikan orang lain ...

*Ampunilah kami ya Tuhan*

Pada masa kami selalu menyakiti hatiMu dan sesama kami...

*Ampunilah kami ya Tuhan*

# KHAMIS PUTIH (PERJAMUAN MALAM TERAKHIR)

*YA TUHAN, HARI INI, KAMI MENGINGATI PARA PADERI DI SELURUH DUNIA, DAN BERDOA KEPADA MEREKA*



*Ya Yesus yang Maha Kasih,*

*Aku berdoa kepada PaderiMu yang setia,  
yang tidak setia mahupun yang 'suam-suam kuku',  
paderiMu yang bekerja dirumah, mahupun yang  
dikejauhan dalam melaksanakan misiMu,  
Yang sedang bergelut dengan godaan;  
Yang kesepian dan kesunyian;  
Yang ditimpa penyakit;  
Yang akan menemui ajal;  
Yang telah meninggal disebabkan oleh COVID-19  
Jiwa-jiwa para paderi yang masih di api penyucian.*

# KHAMIS PUTIH (PERJAMUAN MALAM TERAKHIR)


**YA TUHAN, HARI INI, KAMI MENGINGATI PARA PADERI DI SELURUH DUNIA, DAN BERDOA KEPADA MEREKA**



*Kami mengingati para paderi yang telah membaptis kami, dan mengangkat mereka kepadaMu;  
Para paderi yang membebaskan kami dari dosa;  
Paderi yang mengurapi dan mendoakan kami;  
Paderi didalam Misa dimana kami menerima Tubuh dan DarahMu melalui Komuni Suci;  
Semua paderi yang mengajar dan memberi nasihat kepada kami;  
semua paderi kebanggaan kami;  
Kami juga memohon keampunan kepada paderi yang pernah kami kecewakan melalui perkataan, perbuatan dan kegagalan kami.*

# KHAMIS PUTIH (PERJAMUAN MALAM TERAKHIR)

*YA TUHAN, HARI INI, KAMI MENGINGATI PARA PADERI DI SELURUH DUNIA, DAN BERDOA KEPADA MEREKA*



*Ya Maria, Ibu Yesus, lindungilah mereka, bimbinglah mereka dan kasihilah mereka. Jadilah Ibu kepada mereka terutama sekali di masa kesepian dan kekecewaan.*

*Ya Maria, Ibu Tuhan, jadikanlah semua paderi seperti engkau yang penuh kerendahan hati dan kudus seperti Yesus.*

*Kami berterima kasih kepadamu ya Tuhan atas panggilan kepaderian, dan melalui perantaraan Bunda Maria, kami juga bertekad untuk mendoakan mereka setiap hari. Amin.*

# KHAMIS PUTIH (PERJAMUAN MALAM TERAKHIR)

## PERJAMUAN PASKAH BERSAMA KELUARGA DAN SEISI RUMAH

*Paskah adalah perayaan yang penuh dengan sukacita, yang mengungkapkan bagaimana Allah membebaskan kita dari perhambaan kepada pembebasan, dari kesedihan kepada kegembiraan, dari berkabung kepada pesta, dari perhambaan kepada penebusan, dari kegelapan kepada cahaya yang cemerlang*

*(cf. Ex 12: 1-8. 11-14)*

Bersama dengan mereka yang hadir, bersantai sambil makan bersama-sama, dengan lilin yang dinyalakan di tengah-tengah, sebagai tanda kesyukuran bagi Tuhan atas kesucian hidup.

Semasa makan, kongsiikan bagaimana kamu menemui Kristus melalui pengalaman COVID-19


# KHAMIS PUTIH (PERJAMUAN MALAM TERAKHIR)

*Ya Tuhan Yesus,*

*Bersatu dengan-Mu dalam Roh, kami  
memilih untuk mendedikasikan masa ini  
kepada-Mu dan bersama-Mu.*

*cf. Mt 26: 40-41*

MASA PERIBADI DAN MASA HENING BERSAMA TUHAN



*Kami memuliakanMu, Ya Tuhan*

*Kami percaya padaMu, Ya Tuhan*

*Bebaskanlah Kami, Ya Tuhan*

*Selamatkanlah Kami, Ya Tuhan*

*Tenangkanlah Kami, Ya Tuhan*

*Berilah Kami RohMu, Ya Tuhan*

*Bukalah pintu harapan kami,  
Ya Tuhan*

